

Kerajaan campuran perlu partai teras

BM - 1 JUL 1990

JERANTUT: Pas dan DAP akan terus mengugut parti Semangat 46 kerana masing-masing tidak puas hati antara satu dengan lain.

Oleh itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan campuran yang dicadangkan oleh parti-parti pembangkang itu tidak mungkin dapat memerintah kerana mereka tidak mempunyai sebuah parti teras yang kuat.

Perdana Menteri berkata ini kerana Pas dan DAP tidak secocok antara satu dengan lain.

"Mereka akan saling ugut-mengugut Semangat 46 untuk meninggalkan gabungan itu apabila timbul rasa tidak puas hati," katanya di perjumpaan dengan pemimpin masyarakat Pahang di Dewan Majlis Daerah Jerantut di sini, semalam.

"Kerajaan campuran memerlukan teras yang kuat dan kerajaan BN mempunyai Umno yang cukup kuat kerana mempunyai Ahli Parlimen yang ramai sehingga mampu mengekalkan kerajaan, walaupun 12 daripadanya keluar menyertai Semangat 46," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir meminta semua pemimpin Umno supaya berdisiplin dan mematuhi arahan bagi memastikan kemenangan cemerlang dalam pilihanraya akan datang.

Beliau mengambil contoh kejatuhan Kesultanan Melaka kepada Portugis kerana tentera Portugis lebih teratur, berdisiplin dan tersusun rapi, berbanding tentera Sultan Melaka.

"Perjuangan semangat saja tidak cukup kerana kita perlukan tertib, disiplin dan mengikut perintah, barulah kita berjaya," katanya.

Sementara itu, dalam perjumpaan dengan orang ramai di Kampung Pulau Mansuk dekat sini, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya jangan menyalahgunakan sistem demokrasi yang ada sekarang.

Katanya, demokrasi itu ibarat pisau yang tajam dan ia boleh menjadi senjata yang dahsyat jika disalahgunakan.

"Ketika hampir pilihanraya ini, ada pihak menggunakan ugutan untuk mendapatkan sesuatu yang mereka hajati, menyebabkan kerajaan serba salah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat mengenai wujudnya golongan pengkhianat dan penderhaka di kalangan pemimpin kesatuan sekerja negara ini, yang menyokong usaha pihak tertentu men-

Ramai hilang kerja jika GSP ditarik

BM - 1 JUL 1990
Dari muka 1

desak Amerika Syarikat menarik balik Skim Keutamaan Am (GSP).

Menurutnya, tindakan mereka bukan saja boleh menjajaskan nasib lebih 130,000 pekerja, malah merugikan negara.

"Jika GSP ditarik balik, ramai pekerja akan menganggur kerana kilang tempat mereka bekerja terpaksa ditutup.

"Inilah sebenarnya hasrat Kesatuan Buruh Amerika-Kongres Pertubuhan Perindustrian (AFL-CIO) kerana kilang yang ditutup itu akan berpindah ke sana dan memberi pekerjaan kepada mereka," katanya.

"Penderhakaan seperti ini ada dalam masyarakat kita pada masa ini. Dulu kita malu jika dituduh penderhaka, tetapi kini mereka tepuk dada dan bangga berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, jika di zaman penjajahan British dahulu orang yang durhaka seperti ini akan dihantar ke Pulau Seychelles.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan supaya rakyat jangan mudah terperdaya dengan pemimpin berkecuaan kerana ia boleh mengancam negara.